



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

KENYATAAN MEDIA

KEPUTUSAN PERMOHONAN KEMASUKAN KE IPTA DAN ILKA BAGI LEPASAN SPM DIUMUM PADA 28 JUN 2024

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ingin memaklumkan bahawa keputusan permohonan melanjutkan pengajian ke Universiti Awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti (KK) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) peringkat Sijil, Asasi dan Diploma Sesi Akademik 2024/2025 bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan diumumkan pada **28 Jun 2024 (Jumaat)**.

Keputusan boleh disemak mulai **28 Jun 2024, jam 12.00 tengah hari hingga 7 Julai 2024, jam 5.00 petang** melalui platform seperti berikut:

- a) Secara atas talian melalui pautan;
 - i. <https://jpt.utm.my>
 - ii. <https://jpt.uum.edu.my>
 - iii. <https://jpt.unimas.my>
 - iv. <https://jpt.ums.edu.my>
 - v. <https://jpt.umt.edu.my>
- b) Melalui Aplikasi Mobile UPUPocket di telefon pintar.

Pengesahan setuju terima tawaran bermula pada **29 Jun 2024 hingga 7 Julai 2024** di laman web Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA). Surat tawaran rasmi akan dikeluarkan oleh IPTA dan ILKA kepada yang berjaya mulai **29 Jun 2024** setelah calon membuat pengesahan setuju terima tawaran dalam tempoh yang dinyatakan.

Hanya pemohon yang **tidak berjaya** atau mendapat **tawaran pengajian peringkat sijil sahaja** boleh mengemukakan permohonan rayuan melalui UPUOnline® bagi kemasukan ke UA dan Politeknik di <https://upu.mohe.gov.my> dalam tempoh **10 hari mulai 28 Jun 2024, jam 12.00 tengah hari sehingga 7 Julai 2024, jam 5.00 petang**. Rayuan ke Kolej Komuniti dan ILKA boleh dimajukan terus ke institusi berkenaan tanpa melalui UPUOnline®.

Tawaran tempat bagi Sesi Akademik 2024/2025 adalah MUKTAMAD dan sebarang permohonan pertukaran program pengajian dan IPTA/ILKA **tidak dibenarkan**. Dasar pemilihan rayuan adalah tertakluk kepada kekosongan tempat yang ditawarkan mengikut program pengajian selepas pendaftaran pelajar baharu selesai dilaksanakan.

Sebarang pertanyaan berkenaan dengan permohonan UPUOnline® boleh dimajukan ke Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA secara terus di alamat berikut:-

**BAHAGIAN KEMASUKAN PELAJAR IPTA
JABATAN PENDIDIKAN TINGGI
ARAS 4, MENARA 2, JALAN P5/6, PRESINT 5
62000 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**No. Tel: 03-8684 2363
E-mel: upu@mohe.gov.my
Facebook: KEMASUKAN BPKP JPT
Instagram: @KEMASUKANBPKA
TikTok: BKPAUPU**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
20 Jun 2024**